

Bangkai ayam penuhi sun

Penduduk bimbang wabak penyakit tersebar

TANJONG KARANG -

Timbul tanda tanya dan pertikaian apabila lebih 1,000 bangkai ayam dibuang dalam sungai di Bagan Pasis, di sini.

Lebih membimbangkan, bangkai ayam yang dibuang itu dikhuatiri mati akibat wabak penyakit dan akan mengundang bahaya kepada penduduk.

Penduduk, Amzar Syazani Azli, 18, berkata, dia terkejut apabila menghidu busuk ketika melalui kawasan berhampiran sungai terbabit.

"Saya berhenti meninjau di kawasan berhampiran sebelum mendapati lambakan bangkai ayam dalam sungai itu.

"Perbuatan ini tidak bermoral dan saya menggesa pihak berwajib mengambil tindakan sewajarnya untuk mengelakkan perkara sama berulang," katanya.

Dalam pada itu, Amzar juga tidak menolak kemungkinan ia berpunca daripada kilang menternak ayam



Amzar Syazani menunjukkan lokasi kejadian. Gambar kecil: Antara sebahagian bangkai ayam yang dibuang dalam sungai.

di kawasan berhampiran dan mendesak Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) menjalankan siasatan segera.

Tinjauan *Sinar Harian* di lokasi aduan mendapati, kerja pembersihan giat dilaksana-

kan pekerja awam Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan Persekitaran MDKS selama dua hari bermula kelmarin.

Setiausaha MDKS, Azahari Sairin ketika ditemui

menjelaskan, pihaknya pertama kali menerima aduan pembuangan bangkai ayam secara besar-besaran di kawasan sungai sehingga menimbulkan gangguan bau kepada penduduk.

“ Saya tidak ma mengambil ja pihak membuang bar di merata tempat sed menanamnya di sesu selamat.”

Menurutnya, kerja pembersihan dilaksanakan sebaik sahaja menerima aduan penduduk mengenai bangkai ayam di sungai itu yang mengeluarkan bau busuk.

"Siasatan masih dijalankan dan bagi mengelakkan bau busuk berlarutan, kerja pembersihan dilaksanakan dengan kerjasama penduduk yang membantu menyediakan sampan.

"Kita juga bimbang pembuangan bangkai ayam itu berpunca daripada wabak penyakit yang boleh mengundang bahaya kepada penduduk berhampiran dan laporan sama dikemukakan kepada jabatan berkaitan un-